

Tingkah Laku Kerjaya Ibu Bapa dan Efikasi Kendiri Kerjaya Pelajar di Sebuah Universiti Swasta

Aminin Adnan, Mohd Izwan Mahmud*, Salleh Amat

ABSTRAK

Perancangan dan membuat keputusan kerjaya ditentukan berdasarkan faktor personaliti, bakat dan minat merupakan perkara penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Penglibatan ibu bapa dalam membantu anak-anak mereka membuat perancangan dan keputusan kerjaya menjadi satu perkara yang memberi kesan kepada kehidupan mereka. Keupayaan pelajar dalam mengenal pasti potensi diri dan merancang kerjaya dengan sistematik juga bergantung kepada cara didikan dan sokongan ibu bapa. Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengkaji hubungan antara tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi kendiri kerjaya pelajar di sebuah universiti swasta dalam membuat keputusan kerjaya. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan terhadap 110 orang pelajar di sebuah universiti awam dipilih sebagai responden kajian dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kajian ini menggunakan instrumen Career Decision Self-efficacy- Short Form (CDSE-SF) untuk mengukur efikasi kendiri kerjaya dan Parent Career Behavior (PCB) untuk mengukur tingkah laku kerjaya ibu bapa. Hasil analisis deskriptif bagi tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu ($M=3.78$, $SP=0.83$). Di samping itu, analisis deskriptif bagi tahap efikasi kendiri kerjaya pelajar pula menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu ($M=4.09$, $SP=0.66$). Hasil analisis Korelasi Pearson menunjukkan hubungan yang kuat ($r = 0.60$) di antara tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi kendiri kerjaya pelajar. Kesimpulannya, kajian ini menggambarkan bahawa tingkah laku kerjaya ibu bapa merupakan peramal yang positif terhadap efikasi kendiri kerjaya pelajar. Implikasi kajian terhadap ibu bapa supaya memberi perhatian kepada anak-anak dengan meningkatkan pengetahuan tentang maklumat kerjaya anak-anak dan kemahiran komunikasi agar dapat membantu anak-anak mempunyai masa depan kerjaya yang baik.

Kata kunci: tingkah laku kerjaya ibu bapa, efikasi kendiri kerjaya, kaunseling kerjaya, universiti swasta

ABSTRACT

Planning and making career decisions determined based on personality factors, talents, and interests are important things in a student's life. The involvement of parents in helping their children make career plans and decisions is a matter that has an impact on their lives. The ability of students to identify their own potential and systematically plan their career also depends on the way they are raised and the support of their parents. This study was conducted with the aim of examining the relationship between parents' career behavior and the career self-efficacy of students at a private university in making career decisions. This study uses a quantitative approach with a survey design of 110 students at a private university selected as study respondents by using a simple random sampling method. This study uses the Career Decision Self-Efficacy Short Form (CDSE-SF) instrument to measure career self-efficacy and Parent Career Behavior (PCB) to measure parents' career behavior. The results of the descriptive analysis of the level of parents' career behavior showed a high mean value ($M = 3.78$, $SD = 0.83$). In addition, the descriptive analysis of the level of student career self-efficacy shows a high mean value, which is ($M = 4.09$, $SD = 0.66$). The results of Pearson correlation analysis show a strong relationship ($r = 0.60$) between parents' career behavior and students' career self-efficacy. In conclusion, this study illustrates that parents' career behavior is a positive predictor of students' career self-efficacy. Implications of the study for parents to pay attention to their children by increasing their knowledge of children's career information and communication skills to help children have a good career future.

Keywords: Parents' career behavior, career self-efficacy, career counseling, private universities

PENGENALAN

Abad ke-21 membawa perkembangan pendidikan tinggi dan kerjaya ke arah satu perbincangan yang lebih serius berkenaan tahap keupayaan, kemahiran dan pengetahuan graduan bagi mendapat tempat dalam pasaran kerja dan memenuhi keperluan majikan (Mahmud et al., 2016). Lambakan graduan dan persaingan sepatutnya lebih menjadikan para pelajar bersedia untuk menempuh alam pekerjaan bagi memenuhi impian kerjaya yang diidamkan. Akhir-akhir ini, kekurangan ilmu pengetahuan dan kemahiran di kalangan graduan dalam memenuhi keperluan pasaran pekerjaan telah menjadi isu yang serius (Ismail, 2012). Menjadi tamparan hebat kepada universiti dan pemain industri dalam isu pengangguran graduan dan yang lebih utama kepada para graduan sendiri untuk sama-sama mencari solusi (Zaini Ujang, 2009).

Asas kepada semua perkara ini ialah bermula dengan kemampuan pelajar membuat keputusan kerjaya yang menjadi asas penting dalam mencorakkan perjalanan kehidupan. Menetapkan kerjaya yang diminati mampu membuatkan pelajar lebih sistematik dalam mengenal pasti serta meneroka maklumat dan jenis personaliti yang sepadan dengan minat kerjaya supaya pelajar tidak terbeban dengan pilihan yang tidak sepadan yang akhirnya akan membantutkan proses perjalanan mendapatkan kerjaya serta berkembang dengan baik sebagai seorang pekerja (Zakaria et al., 2020).

Tidak dinafikan, di peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pelbagai program bimbingan kerjaya diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar dengan maklumat kerjaya, keperluan kerjaya semasa dan syarat kelayakan yang perlu dipenuhi. Maklumat-maklumat mengenai pekerjaan yang ingin diceburi seperti kelayakan akademik, peluang latihan meningkatkan kemahiran, maklumat bidang tugas, gaji dan kemudahan serta peluang kenaikan pangkat menjadi maklumat penting kepada para pelajar yang boleh membantu mereka membuat keputusan kerjaya (Mahmud et al. 2016). Menurut Samad et al. (2019), maklumat-maklumat tersebut mesti didedahkan lebih awal kepada pelajar dan menurut Bullock et al. (2014) masih ada pelajar yang keliru dan bermasalah dalam menetapkan keputusan kerjaya.

Jika dilihat fenomena yang berlaku di Malaysia hari ini, lambakan pengangguran graduan kini semakin meningkat terutamanya semasa pandemik Covid-19. Graduan sukar mendapatkan pekerjaan selepas tamat pengajian pada masa ini. Walaupun situasi ini dikaitkan dengan isu pandemik yang melanda dunia, tidak dinafikan bahawa antara faktor lain yang boleh menyumbang kepada perkara ini berlaku ialah faktor graduan sendiri tidak memiliki pengetahuan, maklumat, kesediaan dan

kemahiran yang mencukupi untuk mencari pekerjaan dan tidak mempunyai pendedahan yang jelas mengisi tempat dalam pelbagai sektor pekerjaan yang tersedia (Mahmud et al., 2022).

Ini jelas menunjukkan bahawa penentuan hala tuju kerjaya pelajar pada masa hadapan seharusnya dimulakan pada peringkat awal lagi jika tidak mahu ketinggalan dan terabai kejayaan di masa hadapan. Antara asasnya ialah pemilihan bidang pengajian yang sepadan dengan minat dan bakat adalah penting terutamanya dalam menentukan hala tuju kerjaya. Mahmud & Adnan (2023), menyatakan dalam kajiannya bahawa proses pemilihan kursus pengajian merupakan permulaan langkah menuju kerjaya yang sangat mustahak kerana ketepatan bidang yang sesuai yang dipilih dapat mengembangkan potensi, ilmu dan kemahiran yang positif kursusnya dalam pendidikan dan personaliti diri pelajar itu sendiri (Abu Bakar et al., 2020).

Faktor pemilihan kerjaya yang sesuai dengan minat seharusnya membantu pelajar membuat pilihan kerjaya dengan baik sekiranya ia dilakukan dengan bijak dan terarut (Mahmud et al., 2019). Ini kerana ia dapat membantu pelajar untuk menentukan hala tuju bidang kerjaya yang lebih penting dan memberikan kesan yang signifikan di masa hadapan melalui pemilihan yang betul. Kajian oleh Emy Nazira (2022), bukan satu hal yang mudah bagi pelajar untuk membuat keputusan kerjaya jika tidak memperolehi sokongan yang betul. Selalunya, tahap keyakinan atau efikasi sendiri pelajar boleh terjejas dengan permasalahan ini (Jakaria et al. 2020). Ini kerana, kesesuaian pemilihan kerjaya pada masa hadapan terbukti didorong oleh tahap keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan diri yang dimiliki oleh pelajar itu sendiri. Namun, pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang rendah memberi kesan kepada efikasi kendirinya juga terhadap keupayaannya dalam membuat keputusan kerjaya yang sesuai dengan diri sendiri (Fam Mei Mei et al. 2021).

Oleh itu, selain daripada minat dan efikasi sendiri pelajar yang perlu dititikberatkan, tingkah laku ibu bapa diakui mampu memberi pengaruh kepada pengetahuan, keyakinan dan kebolehan pelajar dalam proses membuat penetapan kerjaya (Siti Aisyah, 2018). Menurut kajian oleh Jelas et al. (2014), turut menjelaskan ibu bapa merupakan individu penting untuk memainkan peranan dalam penentuan kehidupan dan kerjaya anak-anak mereka. Perkara-perkara yang kritikal dalam proses mendidik anak seperti gaya didikan, komunikasi dan perbincangan dengan anak-anak mampu mencorakkan gaya hidup serta kebolehan mereka membuat keputusan kerjaya pada masa hadapan (Neuenschwander, 2020). Ketiadaan waktu yang diluangkan bersama anak-anak disebabkan kesibukan ibu bapa bekerja selain kurangnya sokongan dan kasih sayang disebabkan masalah keluarga boleh menjadi sebab rendahnya keupayaan anak-anak untuk membuat pemilihan

kerjaya yang jelas dan tepat (Fam Mei Mei et al, 2021).

Kajian berhubung dengan efikasi sendiri kerjaya yang dikaitkan dengan penglibatan ibu bapa masih kurang dijalankan dalam konteks Malaysia terutamanya di universiti swasta yang dianggap sebagai universiti yang mempunyai tanggapan bahawa pelajar-pelajar yang mempunyai ibu bapa berpendapatan tinggi. Kajian oleh Fam Mei Mei et al. (2021), hanya melihat tahap keterlibatan ibu bapa dan tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar dalam membuat keputusan kerjaya di kalangan murid sekolah swasta. Selain itu, kajian oleh Mahmud & Adnan (2023) pula melihat hubungan antara efikasi sendiri kerjaya dan tingkah laku kerjaya ibu bapa dalam pemilihan kerjaya di kalangan pelajar kolej komuniti awam. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka hubungan antara tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi sendiri terhadap pelajar di sebuah universiti swasta dalam membuat keputusan kerjaya. Secara khususnya, terdapat tiga objektif yang ingin dicapai iaitu:

1. Mengenal pasti tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa pelajar di sebuah universiti swasta.
2. Mengenal pasti tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar di sebuah universiti swasta.
3. Mengukur hubungan antara tingkah laku kerjaya ibu bapa terhadap efikasi sendiri kerjaya pelajar di sebuah universiti swasta.

TINGKAH LAKU KERJAYA IBU BAPA

Ibu bapa menjadi tauladan kepada anak-anak yang boleh mempengaruhi perancangan hidup anak-anak (Fam Mei Mei et al. 2021). Tidak dinafikan harapan setiap ibu bapa yang ingin gembira dan bangga dengan melihat kejayaan anak-anak dalam setiap aspek kehidupan terutamanya dalam pendidikan dan pekerjaan. Namun, tanpa didikan dan bimbingan daripada orang dewasa yang lebih dahulu dan lebih mengerti mengenai perjalanan kehidupan dan selok-belok proses merancang kerjaya, sudah pasti menyukarkan anak-anak melalui proses yang betul. Anak-anak yang masih di peringkat belajar masih belum cukup pengalaman dan kematangan untuk membuat keputusan kerjaya dan sentiasa perlu diberi perhatian daripada ibu bapa. Menurut Su'adah & Zalinah (2013) mengatakan faktor kejayaan anak-anak adalah hasil sokongan dan dorongan daripada ibu bapa.

Menurut Mairin Gosman et al. (2020), ucapan dan hadiah penghargaan serta sentuhan kasih sayang daripada ibu bapa mampu menjadi pendorong semangat dan sokongan moral yang bernilai bagi anak-anak terus berusaha ke arah kecemerlangan diri. Proses perkembangan

anak-anak akan menjadi lebih positif setelah menerima sokongan emosi seperti komunikasi dua hala, perbincangan serta puji-pujian kepada hasil usaha mereka. Dapatan kajian daripada (Fam Mei Mei et al. 2021) mendapati bahawa sokongan emosi daripada ibu bapa sangat diperlukan oleh pelajar kerana menerima perhatian daripada orang-orang yang signifikan dengan diri mereka membantu meningkatkan keyakinan diri. Anak-anak akan lebih cekal melalui proses pelajaran dan perancangan kerjaya sekiranya komunikasi yang berkesan yang dapat diwujudkan oleh ibu bapa sebagai sokongan emosi (Diane Mae Baldon et al., 2023).

EFIKASI KENDIRI KERJAYA

Keupayaan individu untuk mendapatkan apa yang diinginkan dalam hidup, motivasi diri untuk berubah kearah lebih baik dan usaha meningkatkan pencapaian peribadi adalah konsep efikasi sendiri. Efikasi sendiri yang baik memberi kesan dalam membantu individu dalam meningkatkan keyakinan untuk merancang pendidikan dan bertindak untuk kebaikan masa depan (Mahmud & Adnan, 2023). Keupayaan individu dalam mengenal pasti dan meneroka kekuatan dan kelemahan diri sangat diperlukan dalam membuat perancangan kerjaya sebagai proses yang sistematik yang akhirnya membantu pencapaian yang baik serta perkembangan yang berterusan (Mahmud et al., 2018).

Bandura (2003) mendefinisikan bahawa efikasi sendiri ialah keupayaan individu dalam kemahiran membuat keputusan, membuat pertimbangan dan menyusun atur tindakan yang bersesuaian bagi mencapai matlamat yang ditetapkan oleh individu berdasarkan kemahiran dan kemampuan yang dimiliki. Justeru, efikasi sendiri kerjaya perlu sentiasa ditingkatkan dari semasa ke semasa agar individu mampu bersedia mendepani proses dalam mendapatkan kerjaya dan kekal relevan setelah bekerjaya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan melalui set soal selidik bagi mengukur tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi sendiri kerjaya. Kajian ini memberi fokus kepada populasi pelajar diploma dan ijazah pertama daripada sebuah universiti swasta iaitu seramai 1725 orang. Kaedah persampelan rawak mudah digunakan dengan memperoleh sampel sebanyak 110 responden bagi kajian ini.

Soal selidik ini terdiri daripada empat bahagian iaitu Bahagian A adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat diri yang berkaitan dengan jantina, peringkat pengajian,

tahun pengajian dan status sosioekonomi ibu bapa. Bahagian B pula terdiri daripada 23 item yang diterjemahkan daripada instrumen *Parent Career Behavior Checklist* (PCBC) yang diperkenalkan oleh Keller dan diterbitkan oleh Whiston dan Keller (2004). PCBC mempunyai 23 bagi mengukur tingkah laku ibu bapa yang membantu perkembangan kerjaya anak-anak. Struktur instrumen ini mengandungi dua subskala tingkah laku kerjaya ibu bapa dari segi sokongan sosial yang mewakili 13 item dan 10 item lagi mewakili tindakan. Instrumen ini menggunakan skala likert bermula dari (1) tidak pernah sehingga (5) sangat kerap. Whiston dan Keller (2004) mendapati bahawa *Alpha Cronbach* bagi keseluruhan skala ialah 0,93, 0,90 untuk subskala sokongan dan 0,89 untuk subskala tindakan. Ini menunjukkan bahawa instrumen ini adalah boleh dipercayai (Mahmud & Adnan, 2023).

Bahagian C pula mengandungi 25 item yang diterjemahkan daripada instrumen *Career Decision-Self-Efficacy Short Form* (CDSE-SF) yang diperkenalkan oleh Betz et al. (1996) bagi mengukur efikasi sendiri kerjaya yang mengandungi lima sub-skala iaitu penilaian sendiri yang tepat, mendapatkan maklumat pekerjaan, pemilihan

matlamat, membuat keputusan dan penyelesaian masalah. Kajian oleh Betz & Taylor (2001), mendapati bahawa *Alpha Cronbach* untuk CDSE-SF ialah .96 dan setiap subskala berjalat antara .86 hingga .89. Versi Bahasa CDSE ini yang telah diadaptasi dan diterjemahkan oleh Mahmud (2016) mendapati kebolehpercayaan instrumen adalah .91 hingga .94 untuk populasi pelajar pengajian tinggi (Mahmud & Adnan, 2023). Instrumen di bahagian ini menggunakan skala likert lima poin iaitu bermula dengan (1) sangat tidak berkeyakinan sehingga (5) sangat berkeyakinan.

Seterusnya, SPSS versi 27.0 digunakan sebagai instrumen untuk menganalisis data hasil daripada dapatan yang diperolehi melalui soal selidik. Dua jenis statistik iaitu statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan bagi menganalisis data. Analisis statistik deskriptif digunakan bagi mengukur tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa dan tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar. Hasil kajian analisis tersebut diinterpretasikan berpandukan kepada jadual penentuan tahap skor min seperti yang dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi tahap skor min

Skor Min	Tahap
1.0 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

Sumber : Adaptasi daripada Sekaran (1992)

Selain itu, bagi mengukur tahap kekuatan hubungan antara tingkah laku kerjaya ibu bapa terhadap efikasi sendiri kerjaya pelajar dalam membuat keputusan, pengkaji

menggunakan ujian Korelasi Pearson. Hasil dapatan korelasi diinterpretasikan berpandukan kepada jadual pekali korelasi seperti jadual 2.

Jadual 2: Interpretasi Kekuatan Pekali Korelasi

Saiz pekali	Kekuatan korelasi
± .81 hingga 1.00	Sangat kuat
± .51 hingga .80	Kuat
± .31 hingga .50	Sederhana
± .21 hingga .30	Lemah
± .01 hingga .20	Sangat Lemah

Sumber : Adaptasi daripada Cohen et al. (2007)

DAPATAN KAJIAN

DEMOGRAFI RESPONDEN

Data demografi hasil dapatan data daripada responden berkenaan dengan jantina, peringkat pengajian, tahun pengajian dan status sosioekonomi ibu bapa dijelaskan di

dalam jadual 3. Seramai 110 orang responden telah menjawab soal selidik. Hasil kajian menunjukkan taburan responden lelaki adalah seramai 86 orang (78.2%) dan lebih ramai berbanding taburan responden perempuan seramai 24 orang (21.8%). Dalam kajian ini, taburan responden daripada peringkat pengajian bachelor lebih banyak iaitu seramai 68 orang (61.8%) berbanding taburan

responden daripada diploma seramai 42 orang (38.2%). Seterusnya, taburan responden bagi tahun pengajian 2 adalah paling ramai iaitu seramai 36 orang (32.7%) diikuti dengan tahun 3 seramai 28 orang (25.5%), tahun 1 seramai 26 orang (23.6%) dan tahun 4 seramai 20 orang (18.2%). Dalam kajian ini juga paling ramai responden daripada

golongan jumlah pendapatan ibu bapa RM 1,000 hingga RM 3,000 iaitu seramai 28 orang (25.5%), diikuti RM 3,001 ke RM 6,000 seramai 27 orang (24.5%), RM 12,001 ke atas seramai 21 orang (19.1%), RM 9,001 ke RM 12,000 seramai 18 orang (16.4%) dan RM 6,001 ke RM 9,000 seramai 16 orang (14.5%).

Jadual 3: Demografi Responden (n=110)

Maklumat Demografi		Frekuensi	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	86	78.2
	Perempuan	24	21.8
Peringkat Pengajian	Diploma	42	38.2
	Ijazah Sarjana Muda	68	61.8
Tahun Pengajian	1	26	23.6
	2	36	32.7
	3	28	25.5
	4	20	18.2
Jumlah Pendapatan Ibu Bapa	RM 1000 ke RM 3000	28	25.5
	RM 3001 ke RM 6000	27	24.5
	RM 6001 ke RM 9000	16	14.5
	RM 9001 ke RM 12000	18	16.4
	RM 12001 ke atas	21	19.1

TAHAP TINGKAH LAKU KERJAYA IBU BAPA TERHADAP PELAJAR

Dapatan kajian ini diperoleh bagi menjawab objektif pertama kajian iaitu mengenal pasti tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa pelajar di sebuah universiti swasta. Tingkah laku kerjaya ibu bapa dilihat melalui dua subskala iaitu sokongan sosial dan tindakan. Item yang memperoleh nilai min tertinggi iaitu ($M=4.08$, $SP=1.03$) ialah item 13 (ibu bapa saya memberitahu saya bahawa mereka mempunyai harapan yang tinggi untuk kerjaya saya). Dapatan ini menjelaskan bahawa keterlibatan ibu bapa bersama anak-anak dalam memberi dorongan dan sokongan membantu perkembangan anak-anak membuat keputusan kerjaya.

Seterusnya, item yang memperoleh nilai min terendah iaitu ($M=3.15$, $SP=1.20$) ialah item 11 (ibu bapa saya ada menunjukkan kepada saya di mana untuk mencari maklumat tentang kerjaya di perpustakaan atau di kedai buku). Ini menunjukkan ibu bapa kurang terlibat dalam membantu anak-anak mencari maklumat tentang kerjaya sama ada memberi maklumat yang diperlukan atau mendorong untuk pergi ke mana-mana tempat yang menyediakan maklumat dan informasi tentang kerjaya yang diperlukan anak-anak. Secara keseluruhannya, analisis deskriptif menjelaskan tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa ($M=3.78$, $SP=0.83$) adalah tinggi sepertimana dilampirkan di dalam jadual 4.

Jadual 4: Interpretasi bagi Tahap Tingkah Laku Kerjaya Ibu Bapa

Instrumen	Bilangan Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Parent Career Behavior Checklist	23	3.78	0.83	Tinggi

TAHAP EFIKASI KENDIRI KERJAYA PELAJAR

Dapatan kajian ini adalah menjawab objektif kedua iaitu mengenal pasti tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar di sebuah universiti swasta. Jadual 5 menunjukkan analisis deskriptif terhadap nilai min keseluruhan bagi tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar adalah tinggi ($M=4.09$, $SP=0.66$). Item yang memperoleh nilai min tertinggi iaitu ($M=4.38$, $SP=0.07$) ialah item 1 (menggunakan kemudahan internet untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan bidang pekerjaan yang anda minati). Hal ini menunjukkan kemahiran pelajar dalam mencari maklumat yang bersesuaian dengan pekerjaan yang diimpikan adalah sangat baik.

Seterusnya item yang memperoleh nilai min terendah iaitu ($M=3.64$, $SP=1.23$) ialah item 18 (anda amat memahami tentang diri anda bahawa anda tidak bersedia untuk berkorban bagi mencapai matlamat kerjaya anda). Hal ini menunjukkan ketersediaan pelajar untuk berusaha sedaya upaya dalam mencapai matlamat kerjaya adalah

sangat baik. Secara keseluruhannya, pelajar di sebuah universiti swasta ini yakin terhadap kemampuan mereka dalam meneroka diri, membuat perancangan, membuat keputusan dan mengambil tindakan dalam memajukan diri khususnya berkaitan kerjaya.

Jadual 5: Interpretasi bagi Tahap Efikasi Kendiri Kerjaya

Pemboleh Ubah	Bilangan Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Efikasi Kendiri Kerjaya	25	4.09	0.66	Tinggi

HUBUNGAN ANTARA TINGKAH LAKU KERJAYA IBU BAPA DAN EFIKASI KENDIRI KERJAYA

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian terhadap analisis korelasi pearson. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai korelasi di antara tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi sendiri kerjaya adalah bersamaan dengan nilai $r = 0.60$ pada paras = .000, $p < 0.05$. Berpandukan kepada indeks korelasi yang dicadangkan oleh Cohen et al. (2007) hubungan korelasi yang kuat terhasil antara pemboleh ubah tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi sendiri kerjaya pelajar. Hal ini menjelaskan bahawa tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa dan tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar mempunyai hubungan yang kuat. Berpandukan kepada kekuatan hubungan antara tingkah laku kerjaya ibu bapa dan tahap efikasi sendiri kerjaya yang dimiliki pelajar, jelas menggambarkan pelajar di sebuah universiti swasta ini mampu membuat keputusan kerjaya dengan baik.

Jadual 6: Analisis Pekali Korelasi Hubungan Antara Tingkah Laku Kerjaya Ibu Bapa dan Efikasi Kendiri Kerjaya Pelajar

			Efikasi Kendiri
Korelasi Pearson	Tingkah Laku Ibu Bapa	Pekali Korelasi Sig. (2-Hujung)	0.602 0.000
		n	110

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisis deskriptif yang diperoleh menunjukkan bahawa tahap tingkah laku kerjaya ibu bapa terhadap pelajar adalah tinggi. Hal ini menggambarkan kecenderungan tingkah laku kerjaya ibu bapa dalam bantuan sokongan sosial, emosi serta perbincangan mengenai maklumat kerjaya bersama anak-anak memberi impak positif terhadap pelajar. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil kajian Neuenschwander (2020) yang

menyatakan bahawa tahap tingkah laku ibu bapa dalam membantu pemilihan kerjaya kalangan pelajar adalah tinggi. Lazimnya, menurut Tsai (2014), proses perkembangan pelajar sangat bergantung kepada hubungan yang erat yang dibina bersama ibu bapa walaupun pelajar ketika di usia remaja lebih banyak waktu dihabiskan bersama rakan sebaya berbanding ibu bapa. Sokongan ibu bapa sentiasa diperlukan kerana pelajar di peringkat ini masih kurang pengalaman.

Seterusnya, tahap efikasi sendiri kerjaya pelajar menunjukkan nilai keseluruhan min skor pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan tahap positif pelajar terhadap efikasi sendiri kerjaya mereka. Ini jelas menggambarkan pelajar di universiti swasta ini berkebolehan dan yakin diri terhadap kemampuan mereka dalam meneroka maklumat, merancang dan membuat keputusan kerjaya. Begitu juga dengan dapatan kajian oleh Baglama dan Uzunboylu (2017) menjelaskan pelajar yang memiliki tahap efikasi sendiri kerjaya yang tinggi berkeupayaan dalam memutuskan keperluan kerjaya mereka. Selain itu, dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian oleh Zakaria et al. (2020) yang membuat kesimpulan bahawa dalam pemilihan kerjaya, pelajar sememangnya memerlukan tahap efikasi sendiri yang tinggi. Kajian oleh Jemini (2019) pula menjelaskan semakin rendah efikasi sendiri kerjaya pelajar maka semakin rendah keyakinan dalam membuat keputusan kerjaya. Justeru, pelajar dengan keyakinan dan kemampuan sendiri dalam mencari maklumat, meneroka bidang kerjaya yang diminta, meningkatkan ilmu dan kemahiran akan membantu mereka cecap dalam membuat keputusan kerjaya.

Selain itu, kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat hubungan yang kuat di antara tingkah laku kerjaya ibu bapa terhadap efikasi sendiri kerjaya pelajar. Dapatan ini menyokong hasil kajian oleh (Fam Mei Mei et al. 2021) yang mengatakan bahawa efikasi sendiri kerjaya pelajar mempunyai keterkaitan yang kuat dengan peranan ibu bapa.. Kemudian, dalam dapatan kajian oleh Inoa (2017) menjelaskan anak-anak akan lebih yakin untuk membuat pilihan dan perancangan kerjaya masa depan sekiranya mendapat sokongan ibu bapa yang mementingkan kesejahteraan emosi mereka. Justeru, penglibatan tingkah laku kerjaya ibu bapa dapat mempengaruhi perkembangan positif pelajar dalam meningkatkan keyakinan dan keupayaan merancang kehidupan mereka khususnya dalam bidang kerjaya.

KESIMPULAN

Hasil kajian ini menjelaskan terdapat hubungan yang kuat antara tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi sendiri

kerjaya pelajar dalam membuat keputusan kerjaya di kalangan pelajar di sebuah universiti swasta. Daripada dapatan yang diperolehi, kajian ini menunjukkan pelajar di universiti swasta ini yang terdiri daripada latar belakang status sosioekonomi yang tinggi yakin dan mampu membuat keputusan kerjaya dengan baik. Sokongan dan dorongan ibu bapa dari segenap segi seperti emosi, pemberian maklumat, komunikasi dan lain-lain lagi telah membantu mengembangkan keupayaan pelajar dalam meneroka diri, membuat perancangan dan membuat keputusan. Oleh itu, dapatan kajian ini membuktikan bahawa keterlibatan ibu bapa sangat penting dan wajar dalam perkembangan hidup dan kerjaya anak-anak pelajar. Antara cadangan lanjutan ialah pengkaji akan datang boleh menambah bilangan responden lebih ramai agar hasil kajian lebih dipercayai. Selain itu, kajian juga boleh dilakukan dengan melihat pengaruh demografi seperti jantina, tahun pengajian, peringkat pengajian dan status sosioekonomi ibu bapa terhadap tingkah laku kerjaya ibu bapa dan efikasi sendiri kerjaya pelajar.

Kesimpulannya, hasil kajian ini diharapkan dapat memberi kesedaran kepada pihak ibu bapa agar sentiasa menambah ilmu dan meningkatkan kemahiran dalam proses membantu dan mendidik anak-anak supaya melalui proses perkembangan hidup dan kerjaya dengan positif. Di samping itu, kajian ini juga diharap dapat memberi input kepada pihak universiti ini untuk sentiasa merangka program bimbingan kerjaya untuk para pelajar mendapat maklumat dan kesedaran untuk sentiasa mengembangkan diri mereka dari sudut ilmu pengetahuan dan kemahiran agar kekal relevan dan dapat bersaing di pasaran kerjaya setelah tamat belajar.

RUJUKAN

- Abd Samad, Sharizan, Othman, M. K., & Kasa, M. D. (2019). Pembangunan Kerangka Konseptual Kajian Aspirasi Kerjaya Pelajar TVET Kolej Komuniti di Malaysia. *Jurnal Pengajian Umum Aisa Tenggara*, 20.
- Abu Bakar, A.Y. & Mahmud, M.I. (2020). The profiling of aspiration and interest towards STEM and TVET careers among Malaysian school students. *Journal for the Education of Gifted Young Scientists*, 8(1):489-500.
- Afzal Humayon, A., Raza, S., Aamir Khan, R., & ul ain Ansari, N. (2018). Effect of family influence, personal interest and economic considerations on career choice among undergraduate students in higher educational institutions of Vehari, Pakistan. *International Journal of Organizational Leadership*, 7(2), 129–142.
- Baglama & Uzunboylu. (2017). The relationship between career decision-making self-efficacy and vocational outcome expectations of preservice special education teacher. *South African Journal of Education*. 37(4): 1-11.
- Bandura, A., Freeman, W. H., & Lightsey, R. (1999). Self-efficacy: The exercise of control.
- Betz, N. E., & Luzzo, D. A. (1996). Career assessment and the career decision making self efficacy scale. *Journal of Career Assessment*, 4(4): 413-428.
- Betz, N. E., & Taylor, K. M. (2001). *Manual for the Career Decision Self-Efficacy Scale and CDSE-Short Form*. Unpublished manual.
- Bullock-Yowell, E., Leavell, K. A., McConnell, A. E., Rushing, A. D., Andrews, L. M., Campbell, M., & Osborne, L. K. (2014). Career decision-making intervention with unemployed adults: When good intentions are not effective. *Journal of Employment Counseling*, 51(1), 16-30.
- Chin-Chung Tsai. (2014). College students' skills of online argumentation: the role of scaffolding and their conceptions. *The Internet and Higher Education*. 21(2): 1-8.
- Diane Mae Baldon, Roxette Dela Cerna, Aiko Joy Sotes, Clares Fe Enriquez & Jovenil Bacatan. (2023). Parent career behavior and career decision making self-efficacy among senior high school students. *International Journal of Multidisciplinary Research and Publications*. 6(5): 80-86
- Emy Nazira Embong. (2022). *Gaya Asuhan Ibu Bapa, Tingkah Laku Devian dan Pengaruhnya Keatas Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya*. Disertasi Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Fam Mei Mei, Faridah Mydin Kutty & Norasmah Othman. (2021). Penglibatan ibu bapa dan efikasi sendiri murid sekolah menengah dalam membuat keputusan kerjaya. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*. 6(9); 230-240.
- Ismail, M. H. (2012). Kajian Mengenai Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Tinjauan dari Perspektif Majikan. [Study on employability of Graduates in Malaysia: A survey of employer perspectives]. Dlm. Prosiding PERKEM VII, 2, hh. 906–913. Diakses dari http://www.ukm.my/fep/perkem/pdf/perkemVII/PKEM2012_3E1.pdf
- Jakaria, N. A., Mazlan, M., Samri, N., & Shafie, S. N. A. (2020). Perbezaan efikasi sendiri terhadap pembangunan kerjaya berdasarkan faktor demografi. *Jurnal Utwan*, 5(1), 223-235.
- Jelas, Z. M., Salleh, A. M., Azman, N., Hamzah, R., Jani, R., Hamzah, H., Hamid, Z. A., & Mahmud, M. I. (2014). Gender disparity in school participation and achievement: The case in Malaysia. *Procedia Social and Behavioral Sciences*, 140, 62-68.
- Jemini-Gashi, L., Duraku, Z. H., & Kelmendi, K. (2019). Associations between social support, career self-efficacy, and career indecision among youth. *Current*

- Psychology*, 1-7.
- Mahmud, M. I. 2016. Information Processing Terhadap Ketidakefungsian Pemikiran Kerjaya Dan Efikasi Kendiri Kerjaya Pelajar di Sebuah Universiti Awam.
- Mahmud, M. I., Amat, S., Abu Bakar, A. Y., Ku Johari, K. S. 2022. Career Information Seeking Behavior among University Graduates. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. 12(6), 2078 – 2101.
- Mahmud, M. I., Amat, S., Abu Bakar, A.Y, Karim, F. M., Amat, D. N. 2018. Relationship between dysfunctional career thinking, career self-efficacy and inability to make career decisions among undergraduate. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, 9: 19-38.
- Mahmud, M. I., Noah, S. M., Jaafar, W. M., Abu-Bakar, A. Y. & Amat, S. 2019. The career readiness construct between dysfunctional career thinking and career self-efficacy among undergraduate students. *Journal of Engineering Science and Technology*, 3, 74-8.
- Mahmud, M.I. & Adnan, A.D. (2023). Career self-efficacy and parent career behavior in the career choice of community college students. *Journal for ReAttach Therapy and Developmental Diversities*, 6(3): 524-530.
- Mahmud, M.I., Salleh, A. M., Jelas, Z.M., Azman, A., & Abu Bakar, A. Y. (2016). Career interest and career information-seeking behaviour among students in Malaysian education system: A case study. *Jurnal Psikologi dan Kaunseling*, 7(5): 70-84.
- Mairin Gosman, Nizam Nazarudin, Zakiah Noordin, Azmain Saharin & Siti Rozana. (2020). Hubungan penglibatan ibu bapa dan peranan guru dengan pencapaian akademik pelajar sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 4(1).
- Mohd Izwan Mahmud, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad. (2016). Modul kesediaan kerjaya berdasarkan teori Cognitive Information Processing (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3); 59-75.
- Neuenschwander, M. P. (2020). Parental involvement and career decision-making: the case of Switzerland. Parental involvement across European Education Systems: *Critical Perspectives*, 133-148.
- Noor Su'adah Mohd Zawawi & Zalinah Mohamed. (2013). Peranan ibu bapa membantu meningkatkan kecemerlangan akademik anak-anak. Johor Bahru, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nurul Farhana Yahya & Mohd Izwan Mahmud. (2021). Pengaruh hubungan ibu bapa terhadap minat kerjaya anak. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(4): 210-216.
- Rafael Inoa. (2017). Parental involvement among middle-income latino parents living in a middle-class community. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences*. 39(3): 316-335.
- Siti Aisyah Mat Yusoff. 2018. Pengaruh Sokongan Ibu Bapa, Personaliti dan Motivasi Keatas Efikasi Kendiri Membuat Keputusan Kerjaya. Disertasi Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zaini Ujang. 2009. The elevation of higher learning (Mengangkasa Pengajian Tinggi). UTM Press. Skudai : Universiti Teknologi Malaysia.
- Zakaria, N., Rubani, S. N. K., Ariffin, A., Hamzah, N., & Nordin, N. S. (2020). Efikasi sendiri, kemahiran employability dan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional. *Online Journal for TVET Practitioners*, 5(2), 71-76.
- Zaky Zainuddin. 2023. Jumlah Belai Menganggur di Malaysia Masih Tinggi. <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/02/1066260/jumlah-belai-menganggur-di-malaysia-masih-tinggi>
- Aminin Adnan,
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Mohd Izwan Mahmud
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Salleh Amat
Fakulti Pendidikan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- *Corresponding Author: izwan@ukm.edu.my